

DIMENSI SOSIAL DALAM LAKUAN MAAF BAHASA JEPUN
Wan Robiah Meor Osman
Rokiah Paee

Pensyarah

Pusat Pengajian Bahasa, Universiti Malaysia Sarawak

94300 Kota Samarahan, Sarawak

e-mel: mowrobiah@cls.unimas.my / prokiah@cls.unimas.my

Tel: +6082-581762/1734/1680

Faks: +6082-581781

Abstrak

Dalam sesuatu perhubungan sosial permohonan maaf sering berlaku apabila wujud ketidaksefahaman, pencanggahan idea serta kesilapan perbuatan daripada mana-mana pihak sama ada penutur atau pendengar. Permohonan maaf dalam komunikasi sering berbeza berdasarkan aspek sosial yang mendominasinya seperti jantina, umur, jarak hubungan dan status sosial. Oleh itu, makalah ini meneliti aspek sosial dalam gaya lakuan maaf dalam kalangan penutur asli bahasa Jepun yang menetap di Malaysia. Secara khusus, kajian ini memanfaatkan dimensi sosial yang digariskan oleh Holmes, J. (1992) iaitu dari segi status, formaliti, jantina, dan usia. Hasil daripada kajian ini memperlihatkan aspek sosial merupakan salah satu variabel yang menjadi penyumbang wujudnya perbezaan berbahasa dalam interaksi sosial oleh penutur bahasa Jepun.

Kata kunci: Dimensi sosial; Lakuan maaf; Bahasa Jepun

Kertas kerja telah dibentangkan di International Conference on Language, Culture & Literacy: Engaging Diversity in Challenging Times , anjuran School of Language Studies & Linguistics Faculty of Social Sciences & Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 11-12 Mei 2011